



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 15 Ogos 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Polis Selamatkan Remaja 'Mengamuk' Di Sekolah</b> <a href="https://api.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122593/polis-selamatkan-remaja-mengamuk-di-sekolah">https://api.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122593/polis-selamatkan-remaja-mengamuk-di-sekolah</a>	Harian Metro	Neutral
2.	<b>'Apa Perasaan Jika Video Dirakam Itu Adalah Kamu' – Hakim</b> <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122581/apa-perasaan-jika-video-dirakam-itu-adalah-kamu-hakim">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122581/apa-perasaan-jika-video-dirakam-itu-adalah-kamu-hakim</a> <a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/penuntut-perubatan-mengaku-bersalah-rakam-video-kanak-kanak-mandi-dalam-tandas-gereja/#google_vignette">https://www.buletintv3.my/mahkamah/penuntut-perubatan-mengaku-bersalah-rakam-video-kanak-kanak-mandi-dalam-tandas-gereja/#google_vignette</a>	Harian Metro Buletin TV3	Neutral
3.	<b>Ibu Bapa Cuai Wajar Dihukum Dengan Berat</b> <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/680105/suara-sinar/analisis-sinar/ibu-bapa-cuai-wajar-dihukum-dengan-berat">https://www.sinarharian.com.my/article/680105/suara-sinar/analisis-sinar/ibu-bapa-cuai-wajar-dihukum-dengan-berat</a>	Sinar Harian	Neutral
4.	<b>Paderi Dicekup, Disyaki Amang Seksual Kanak-Kanak Usia 13 Tahun</b> <a href="https://www.malaysiakini.com/news/715509">https://www.malaysiakini.com/news/715509</a> <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/paderi-didakwa-buat-amang-seksual-terhadap-kanak-kanak-13-tahun/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/paderi-didakwa-buat-amang-seksual-terhadap-kanak-kanak-13-tahun/</a>	Malaysia Kini Utusan	Neutral

5.	<p><b>Bayi Maut Dalam Kemalangan Dua Kenderaan</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122494/bayi-maut-dalam-kemalangan-dua-kenderaan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122494/bayi-maut-dalam-kemalangan-dua-kenderaan</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1284541/bayi-maut-ibu-bapa-parah-dalam-kemalangan-dua-kenderaan-di-kampung-paris">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1284541/bayi-maut-ibu-bapa-parah-dalam-kemalangan-dua-kenderaan-di-kampung-paris</a></p> <p><a href="https://thesun.my/cerita/berita/bayi-lelaki-maut-dalam-kemalangan-di-kinabatangan-PN12860197">https://thesun.my/cerita/berita/bayi-lelaki-maut-dalam-kemalangan-di-kinabatangan-PN12860197</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=eHbl3TXVkcQ">https://www.youtube.com/watch?v=eHbl3TXVkcQ</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-lelaki-maut-dalam-kemalangan-di-kinabatangan-483486">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-lelaki-maut-dalam-kemalangan-di-kinabatangan-483486</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1284734/bayi-lelaki-maut-kemalangan-di-jalan-paris-kinabatangan">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1284734/bayi-lelaki-maut-kemalangan-di-jalan-paris-kinabatangan</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/14/bayi-maut-dalam-kemalangan-dua-kenderaan">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/14/bayi-maut-dalam-kemalangan-dua-kenderaan</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>The Sun</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Utusan Borneo</p>	Neutral
6.	<p><b>Maimunah Wanita Pertama Jadi Datuk Bandar Kuala Lumpur</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/14/maimunah-wanita-pertama-jadi-datuk-bandar-kuala-lumpur/#google_vignette">https://www.kosmo.com.my/2024/08/14/maimunah-wanita-pertama-jadi-datuk-bandar-kuala-lumpur/#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2329076">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2329076</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/maimunah-datuk-bandar-kuala-lumpur-wanita-pertama/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/maimunah-datuk-bandar-kuala-lumpur-wanita-pertama/#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/maimunah-wanita-pertama-dilantik-datuk-bandar-kl/">https://www.buletintv3.my/nasional/maimunah-wanita-pertama-dilantik-datuk-bandar-kl/</a></p>	<p>Kosmo</p> <p>Bernama</p> <p>Utusan</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

7	<p><b>Lima Wanita Tempatan Terlibat Bina Kapal Peronda Tentera Nigeria</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/680148/berita/nasional/lima-wanita-tempatan-terlibat-bina-kapal-peronda-tentera-nigeria">https://www.sinarharian.com.my/article/680148/berita/nasional/lima-wanita-tempatan-terlibat-bina-kapal-peronda-tentera-nigeria</a></p>	Sinar Harian	Neutral
8	<p><b>Denda Menanti Lelaki Ceroboh Gerabak Wanita</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/680162/berita/nasional/denda-menanti-lelaki-ceroboh-gerabak-wanita">https://www.sinarharian.com.my/article/680162/berita/nasional/denda-menanti-lelaki-ceroboh-gerabak-wanita</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/lelaki-ceroboh-koc-wanita-boleh-didenda/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=lelaki-ceroboh-koc-wanita-boleh-didenda">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/lelaki-ceroboh-koc-wanita-boleh-didenda/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=lelaki-ceroboh-koc-wanita-boleh-didenda</a></p>	Sinar Harian  Utusan	Neutral
9	<p><b>Wanita Miliki Loteri Haram Didenda RM900</b></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/14/wanita-miliki-loteri-haram-didenda-rm900">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/14/wanita-miliki-loteri-haram-didenda-rm900</a></p>	Utusan Borneo	Neutral
10	<p><b>Ibu Tunggal Sara Anak Hasil Jualan Barangan Pertukangan</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2024/08/1284697/ibu-tunggal-sara-anak-hasil-jualan-barangan-pertukangan">https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2024/08/1284697/ibu-tunggal-sara-anak-hasil-jualan-barangan-pertukangan</a></p>	Berita Harian	Neutral
11	<p><b>Polis Kesan Warga Emas Hilang Sejak Isnin Lalu</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/14/polis-kesan-warga-emas-hilang-sejak-isnin-lalu/">https://malaysiagazette.com/2024/08/14/polis-kesan-warga-emas-hilang-sejak-isnin-lalu/</a></p>	Malaysia Gazette	Neutral
12	<p><b>Warga Emas Rentung Terperangkap Dalam Kebakaran Di Tanah Merah</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1284769/warga-emas-rentung-terperangkap-dalam-kebakaran-di-tanah-merah">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1284769/warga-emas-rentung-terperangkap-dalam-kebakaran-di-tanah-merah</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/14/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-3/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/14/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-3/</a></p>	Berita Harian  FMT	Neutral

13	<p><b>Wanita Warga Emas Pengsan Ketika Mendaki Bukit Padang</b></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-warga-emas-pengsan-ketika-mendaki-bukit-padang/">https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-warga-emas-pengsan-ketika-mendaki-bukit-padang/</a></p>	Buletin TV3	Neutral
14	<p><b>Polis Pengiring Didakwa Pukul Pemandu E-Hailing Dikenakan Tindakan Tatatertib</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122802/polis-pengiring-didakwa-pukul-pemandu-e-hailing-dikenakan-tindakan#google_vignette">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122802/polis-pengiring-didakwa-pukul-pemandu-e-hailing-dikenakan-tindakan#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1284863/polis-cederakan-oku-sudah-dikenakan-tindakan-tatatertib-kpn">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1284863/polis-cederakan-oku-sudah-dikenakan-tindakan-tatatertib-kpn</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=4B9xJO0k7ac">https://www.youtube.com/watch?v=4B9xJO0k7ac</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=kCsSXKGE680">https://www.youtube.com/watch?v=kCsSXKGE680</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/680244/berita/semasa/anggota-polis-cederakan-oku-sudah-dikenakan-tindakan-tatatertib---kpn">https://www.sinarharian.com.my/article/680244/berita/semasa/anggota-polis-cederakan-oku-sudah-dikenakan-tindakan-tatatertib---kpn</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/14/tindakan-tatatertib-serta-merta-terhadap-anggota-polis-disyaki-cederakan-oku/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/14/tindakan-tatatertib-serta-merta-terhadap-anggota-polis-disyaki-cederakan-oku/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2329192">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2329192</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/anggota-pengiring-pukul-pemandu-e-hailing-oku-dikenakan-tindakan/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=anggota-pengiring-pukul-pemandu-e-hailing-oku-dikenakan-tindakan">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/anggota-pengiring-pukul-pemandu-e-hailing-oku-dikenakan-tindakan/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=anggota-pengiring-pukul-pemandu-e-hailing-oku-dikenakan-tindakan</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/14/pemandu-oku-ditumbuk-mahu-keadilan/">https://malaysiagazette.com/2024/08/14/pemandu-oku-ditumbuk-mahu-keadilan/</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/15/kes-pukul-oku-tindakan-tatatertib-telah-diambil-ke-atas-anggota-pengiring-kata-kpn">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/15/kes-pukul-oku-tindakan-tatatertib-telah-diambil-ke-atas-anggota-pengiring-kata-kpn</a></p> <p><a href="https://www.malaysiakini.com/news/715570">https://www.malaysiakini.com/news/715570</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Kini TV</p> <p>Kini TV</p> <p>Sinar Harian</p> <p>FMT</p> <p>Bernamea</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Malaysia Kini</p>	Neutral

15	<p><b>Lelaki OKU bunuh rakan dipenjara 30 tahun, 12 sebatan</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/14/lelaki-oku-bunuh-rakan-dipenjara-30-tahun-12-sebatan/">https://www.kosmo.com.my/2024/08/14/lelaki-oku-bunuh-rakan-dipenjara-30-tahun-12-sebatan/</a></p>	Kosmo	Neutral
----	--	-------	---------

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## POLIS SELAMATKAN REMAJA 'MENGAMUK' DI SEKOLAH

Kajang: Seorang remaja perempuan berusia 14 tahun 'mengamuk' dan mengugut mahu membunuh diri sebelum berjaya dipujuk polis dalam kejadian di sekolah menengah di Bandar Baru Bangi di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof berkata, polis menerima laporan kejadian pada 1.33 tengah hari.

"Pelajar itu berada di pekarangan sekolah sambil memegang pisau, mengugut untuk menggelar tangannya.

"Pelajar itu berjaya dipujuk dan tiada sebarang kecederaan berlaku," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, soal siasat ke atas ibu bapa yang hadir ke sekolah memaklumkan anak mereka tidak menunjukkan sebarang perubahan sikap atau mengadu masalah di sekolah mahupun di luar.

Katanya, semakan dengan pihak sekolah juga mendapati remaja itu tidak mempunyai masalah disiplin.

Naazron berkata, pelajar terbabit dibawa ke klinik kesihatan berhampiran untuk ujian saringan kesihatan dan siasatan lanjut akan dijalankan bagi mengetahui punca dua berkelakuan agresif.

Beliau menasihati masyarakat terutama ahli keluarga lebih serius dalam mengawasi kesihatan mental anak masing-masing supaya tindakan awal dapat diambil bagi mengelakkan perkara buruk berlaku.

Tambahnya, khidmat nasihat dan kaunseling juga boleh didapati melalui Talian Kasih 15999 atau mana-mana kaunselor bertauliah.

## 'APA PERASAAN JIKA VIDEO DIRAKAM ITU ADALAH KAMU' – HAKIM

Muar: "Kalaulah video dirakam itu adalah diri kamu, apa perasaan kamu?" kata Hakim Abu Bakar Manat terhadap penuntut perubatan sebuah universiti swasta di Kuala Lumpur, yang mengaku bersalah merakam video kanak-kanak mandi di dalam tandas gereja, Jun lalu.

Tertuduh, Desmond Tan Chee Yong, 20, yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini membuat pengakuan itu terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 10 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017.

Abu Bakar menjatuhkan hukuman denda RM5,000 terhadap tertuduh dan memerintahkan penjara tiga bulan jika tertuduh gagal membayar denda.



PENUNTUT universiti didakwa merakam video kanak-kanak mandi dalam tandas gereja di Muar. FOTO Alias Abd Rani.

Beliau turut mengarahkan tertuduh memadamkan kesemua video dan gambar yang dirakam serta meminta maaf dengan mangsa.

"Kalau kamu masih menyimpan lagi gambar atau video itu, minta hapuskanlah. Selepas ini, jumpa kanak-kanak yang kamu rakam dan minta maaf," katanya.

Mengikut pertuduhan, anak sulung daripada dua beradik itu didakwa ada dalam milikannya pornografi kanak-kanak di gereja di Pusat Komersial Sialin, di sini, pada 9 malam, 29 Jun lalu.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh didapati memasuki tandas di tingkat tiga premis dan meletakkan telefon bimbit dalam sampul duit raya, serta membuka kamera untuk merakam selama sejam sebelum mengambilnya.

Pada hari kejadian, seorang kanak-kanak yang menggunakan tandas terpandang sampul itu dan mengambilnya untuk mengetahui objek di dalam sampul selepas terasa panas ketika menyentuhnya.

Apabila dibuka, mangsa mendapati terdapat telefon bimbit dengan kamera masih terpasang lalu melaporkan perkara itu kepada pihak pengurusan.

Siasatan polis mendapati dalam rakaman terbabit terdapat sembilan mangsa terdiri lima kanak-kanak dan empat dewasa yang sedang mandi serta membuang air.

Terdahulu, pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam. Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Shahrol Razaat Abdul Rasih turut hadir membentangkan laporan sosial mengenai tertuduh.

Sementara itu, Desmond Tan juga berhadapan satu lagi pertuduhan mengikut Seksyen 292 Kanun Keseksaan kerana memiliki gambar lucah dan tidak sopan.

Dia mengaku bersalah terhadap pertuduhan itu, namun kes akan disebut semula pada 27 Ogos.

### **PADERI DICEKUP, DISYAKI AMANG SEKSUAL KANAK-KANAK USIA 13 TAHUN**

Mangsa mendakwa dia diganggu amang seksual fizikal di dalam sebuah bilik di gereja di Puchong, maklum OCPD Subang Jaya, Wan Azlan Wan Mamat.

Polis telah menangkap seorang paderi berhubung dakwaan amang seksual fizikal terhadap seorang budak lelaki berusia 13 tahun di Subang, Selangor.

Ketua Polis Subang Jaya, Wan Azlan Wan Mamat, berkata lelaki tempatan berusia 27 tahun itu ditahan di sebuah restoran di Puchong semalam, selepas menerima aduan daripada mangsa pada hari sebelumnya.

"Pada 12 Ogos, jam lebih kurang 10.09 malam, pihak polis IPD Subang Jaya telah menerima satu laporan polis daripada pengadu seorang kanak-kanak lelaki warganegara berusia 13 tahun.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017," kata Wan Azlan pada satu kenyataan hari ini.

Menurutnya, pengadu mendakwa bahawa dia telah mengalami gangguan amang seksual fizikal oleh suspek antara bulan Jun dan Julai tahun ini, di dalam sebuah bilik di dalam gereja di Bandar Bukit Puchong, Selangor.

### **BAYI MAUT DALAM KEMALANGAN DUA KENDERAAN**

Kinabatangan: Bayi lelaki maut, manakala ibu bapanya parah selepas kereta dinaiki mereka terbabit kemalangan dengan sebuah kenderaan lain di Jalan Kampung Paris 2 di sini, tengah malam tadi.

Kejadian itu juga turut menyebabkan empat lagi parah dan dipercayai mempunyai hubungan kekeluargaan.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kinabatangan, Azlan Shah Jamalludin berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian itu pada 12.38 tengah malam.

Katanya, kemalangan membabitkan dua kenderaan iaitu Toyota Hilux yang dipercayai bertembung dengan Proton X50.

"Terdapat enam mangsa terbabit tersepit di dalam Proton X50 dan pasukan bomba bertindak mengeluarkan semua mangsa.

"Seterusnya serah mangsa kepada pihak ambulans untuk dihantar ke hospital berdekatan bagi rawatan lanjut," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya, seorang bayi di dalam Proton X50 disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

"Seterusnya mayat bayi diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

"Selepas memastikan tiada lagi bahaya lain, operasi ditamatkan pada 4.15 pagi," katanya.

## **MAIMUNAH WANITA PERTAMA JADI DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**



Anwar (dua kiri) menyerahkan surat pelantikan kepada Dr. Maimunah yang akan menjalankan amanah sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur baharu.

PETALING JAYA – Penasihat kepada International Council for Local Environment Initiative (ICLEI), Datuk Seri Dr. Maimunah Mohd. Sharif dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur baharu, berkuat kuasa esok.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, pelantikan itu mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim selaras Subseksyen 4 (2) Akta Ibu Kota Persekutuan 1960.

“Saya percaya Maimunah akan dapat meneruskan kesinambungan pengalaman dan sumbangan beliau untuk memimpin Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan penuh integriti bagi memastikan kemampunan pembangunan berterusan ke arah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang maju dan sejahtera.

“Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Datuk Seri Kamarulzaman Mat Salleh atas segala sumbangan dan kepimpinan beliau sepanjang menjawat jawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyerahkan surat pelantikan kepada Dr. Maimunah sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baharu.

Menurut Anwar, Dr. Maimunah merupakan individu yang layak untuk menggalas amanah mengemudi DBKL berdasarkan pengalaman selama hampir empat dekad dalam perancangan bandar dan pembangunan komuniti.

“Ini termasuk pengalamannya sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, serta pernah menjadi Presiden Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA).

“Lebih membanggakan, beliau juga pernah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Persidangan Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-Habitat) yang berpusat di Nairobi, Kenya, satu-satunya wanita Asia yang memegang jawatan ini,” ujarnya.

Tambahnya, semoga pengalaman hebat yang dimiliki Dr. Maimunah digunakan untuk memperbaiki taraf kehidupan warga Kuala Lumpur serta mengangkat imej, reputasi dan martabat bandaraya ini ke peringkat lebih tinggi. – KOSMO! ONLINE

## LIMA WANITA TEMPATAN TERLIBAT BINA KAPAL PERONDA TENTERA NIGERIA



Antara jurukimpal wanita terlibat dalam pembinaan kapal peronda Tentera Laut Nigeria.

LANGKAWI - Lima wanita berhati waja di negara ini sanggup memilih bidang kerja yang dikategorikan sebagai 3D (kotor, bahaya, sukar) sebagai jurukimpal aluminium yang lazimnya dimonopoli lelaki.

Lebih menakjubkan, mereka antara sebahagian dari 85 tenaga kerja yang terlibat dalam pembinaan kapal peronda Tentera Laut Nigeria berukuran 38 meter panjang dan tujuh meter lebar serta berkelajuan maksimum 29 knot dalam masa dua tahun.

Anak jati Langkawi, Nor Adifa Farain Razali, 22, berkata, dia tidak kisah walaupun perlu bekerja dalam suasana panas ketika mengendalikan peralatan kimpalan.



Nor Adifa

"Cabarannya, suasana sangat panas namun ia tetap membuat kita bersemangat untuk menyiapkan kapal peronda tersebut.

"Kita tidak boleh menyerah kalah walaupun berasa panas," kata anak ketiga daripada lima beradik itu ketika ditemui di Bukit Malut, di sini, pada Rabu.

Katanya, tidak berasa kekok untuk menyesuaikan diri melakukan kerja-kerja kimpalan meskipun bekerja dalam bidang didominasi lelaki.

Tambah Nor Adifa, dia tidak memiliki masalah untuk melakukan kerja terbabit memandangkan mereka bekerja secara berpasukan.

"Sebagai anak tempatan, saya rasa bangga apabila ada syarikat kejuruteraan yang memiliki kepakaran membina bot dan kapal di Langkawi, sekali gus dapat menyiapkan kapal peronda untuk ketenteraan dan negara luar," kata pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Syed Sirajuddin itu.

Nor Adifa yang berhasrat menyambung pelajaran demi meneruskan impian sebagai jurukimpal dalam air berkata, dia berbangga dan berpuas hati dengan pencapaian apabila syarikat tempatan mampu menyiapkan kapal peronda berkenaan.

Rakannya, Nurul Izzah Ahmad Daud, 23, mengakui berasa agak sukar pada peringkat permulaan.



Nurul Izzah

"Mula-mula belajar memang susah namun, apabila tahu konsep dan faham maka ia menjadi mudah," katanya.

Menurutnya, pekerjaan terbabit bukanlah mudah terutamanya untuk golongan wanita memandangkan ia memerlukan kemahiran, ketelitian dan ketepatan.

"Jikalau terlebih penandaan, maka ukuran ukuran mungkin akan lari sedikit, jadi perlu ketelitian," katanya.

Nurul Izzah menambah, dia juga berasa malu ketika awal bekerja memandangkan tidak ramai wanita dalam bidang tersebut kerana didominasi lelaki.

Bagaimanapun, katanya, lama-kelamaan ia tidak menjadi masalah dan rakan sekerja lelaki juga banyak membantu mereka.

Kata anak ketiga dari empat beradik itu, dia memilih pekerjaan sebagai jurukimpal atas minat tinggi dan mendalam sejak dari kecil.

Sementara itu, wakil penyelia, Sazali Rais Moh berpandangan, tiada masalah untuk golongan wanita menceburi sektor pekerjaan terbabit.



Sazali Raiz

Menurutnya, sekiranya diberi peluang, wanita juga mampu bekerja dengan mahir seperti golongan lelaki.

"Cumanya, mereka tidak ada pengalaman dan kita ajar dari kosong hingga mereka tahu dan mempunyai kemahiran membuat kimpalan," katanya.

Beliau mengakui, hasil kerja tenaga wanita juga sangat memuaskan dan kini setanding jurukimpal lelaki.

"Cabarannya, cuma panas memandangkan perlu menghadap benda-benda panas sebab jurukimpal dikategorikan pekerjaan panas (hotwork)," katanya.

Beliau menambah, mereka amat gembira apabila anak tempatan diberi peluang kali kedua untuk membina kapal peronda Tentera Nigeria.

Sazali Rais berkata, tempahan kapal secara berulang hingga menembusi peringkat antarabangsa membuktikan syarikat berkenaan mempunyai kemampuan, kemahiran, kepakaran dan keupayaan dalam sektor perkapalan, sekali gus memerlukan sokongan kerajaan.

"Kita tidak ada masalah bina kapal dan tidak ketandusan tenaga pakar serta mahir dalam sektor perkapalan," katanya.

## DENDA MENANTI LELAKI CEROBOH GERABAK WANITA

PUTRAJAYA - **[DIKEMAS KINI]** Kementerian Pengangkutan sedang merangka undang-undang termasuk mempertimbangkan hukuman denda terhadap lelaki yang menceroboh gerabak wanita.

Menterinya, Anthony Loke Siew Fook berkata, setakat ini tiada sebarang peruntukan berhubung perkara tersebut.

"Kami sedang merangka denda yang sewajarnya untuk lelaki yang tidak dengar (degil) ini," katanya ketika sidang akhbar di Kementerian Pengangkutan di sini pada Selasa.

Turut hadir, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Anthony berkata demikian mengulas mengenai insiden lelaki sengaja memasuki koc wanita yang ditawarkan oleh komuter Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) dan Transit Aliran Massa (MRT) serta Transit Aliran Ringan (LRT).



Kementerian Pengangkutan (MOT) sedang merangka hukuman denda melibatkan lelaki yang menceroboh gerabak wanita. Gambar hiasan

Sebelum ini, Persatuan Wanita Unity Malaysia (Perwim) menggesa kerajaan mewujudkan undang-undang khas bagi membolehkan tindakan diambil terhadap lelaki yang menyalahgunakan koc tersebut.

Dalam pada itu, Anthony berkata, pemantauan secara berskala akan dilakukan oleh polis bantuan bagi memastikan tiada lagi berlaku pencerobohan di gerabak wanita.

"Kaum lelaki harus menghormatinya.

"Tujuan gerabak wanita adalah untuk keselamatan, keselesaan dan keyakinan penumpang wanita menggunakan pengangkutan awam," katanya.

Pada perkembangan berbeza, Anthony berkata, laporan akhir nahas pesawat jenis Beechcraft Premier 1 yang terhempas di Elmina, Shah Alam, Selangor, pada 17 Ogos tahun lepas akan dikeluarkan dalam beberapa hari lagi.

"Beberapa hari lagi sebelum genap setahun insiden tersebut," katanya.

Pada 15 September 2023, laporan akhir nahas itu dijangka diselesaikan pada Ogos tahun ini selaras dengan standard Annex 13 kepada Konvensyen Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO Annex 13) yang memperuntukkan tempoh 12 bulan dari kemalangan tersebut untuk melengkapkan dokumen berkenaan.

Pada 17 Ogos tahun lalu, pesawat Beechcraft Model 390 Premier 1 yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi terhempas dalam perjalanan ke Lapangan Terbang Subang.

Ia meragut 10 nyawa termasuk lapan penumpang dan krew di atas pesawat dan dua pengguna jalan raya.

## **IBU TUNGGAL SARA ANAK HASIL JUALAN BARANGAN PERTUKANGAN**



**MARANG:** Percaturan seorang wanita membuka perniagaan menjual barangan pertukangan selepas suami terlantar sakit membuahkan hasil, sekali gus menjadi sumber pendapatan utama keluarganya.

Ibu lima anak, Zaharah Mamat, 55, berkata dia membuka perniagaan menjual barangan pertukangan, sejak lima tahun lalu selepas buntu suami yang ketika itu bekerja dalam bidang pertukangan paip menghidap penyakit kencing manis, buah pinggang dan masalah penglihatan.

"Walaupun, tiada ilmu dalam perniagaan, saya nekad demi menyara anak yang ketika itu masih belajar, selain kena sedia banyak belanja untuk rawatan, ubat-ubatan dan keperluan suami, Ramli Kassim, 54.

"Syukur. Anak-anak semua berjaya ke menara gading dengan tiga daripadanya adalah lepasan universiti di Mesir, seorang di Yaman dan yang bongsu lepasan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

"Anak sulung, Nur Ainah, 33, Nur Jannah, 29 (anak ketiga) dan Nur Fatimah, 27, (keempat) bertugas sebagai pendidik manakala yang bongsu lepasan UPSI, Nur Sabrina, 24, kini menjalani praktikal di sebuah yayasan di Shah Alam.

"Anak kedua yang belajar di Yaman, Muhamad Hanafiah, 31, memilih untuk tidak bekerja dan membantu saya menguruskan perniagaan," katanya ketika ditemui di premis perniagaannya di Kampung Rhu Renggeh, dekat sini.

Menurut Zaharah, dia memilih membuka perniagaan berkaitan pertukangan paip memandangkan suami memiliki pengetahuan dalam bidang berkenaan, selain dibantu seorang pekerja.

"Banyak cabaran pada peringkat awal tetapi anak menjadi penguat semangat untuk saya mencari rezeki ketika itu kerana suami sudah tidak mampu bekerja.

"Saya pernah tidur hanya tiga jam sehari kerana terpaksa berulang-alik menjaga suami di hospital sebelum dia meninggal dunia pada 2019," katanya.

Zaharah yang menetap di Kampung Tok Adis, Kuala Ibai, Kuala Terengganu, berkata dia juga nekad memohon pinjaman dengan institusi kewangan bagi memulakan perniagaan.

Pada peringkat awal, dia hanya memasukkan barangan berkaitan pertukangan paip kerana kekurangan modal.

"Alhamdulillah, bantuan daripada pelbagai pihak, perniagaan saya semakin lama semakin berkembang," katanya.